

Tahap Fanatik dan Ketaasuban Pelajar Terhadap Amalan Keagamaan di Malaysia: Kajian Kes UTHM, Pagoh

Arwansyah Kirin^{1*}, Edriagus Saputra², Ridwan³

¹ Jabatan Pengajian Islam, Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Batu Pahat Parit Raja, Johor, 84600, MALAYSIA

² Sekolah Tinggi Agama Islam Negeri Mandailing Natal, Jl. Prof. Dr. Andi Hakim Nst Komplek Stain, Pidoli Lumbang, Kec. Panyabungan, Kabupaten Mandailing Natal, Sumatera Utara. Indonesia.

*Pengarang Utama: arwansyah@uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/ahcs.2025.06.01.007>

Maklumat Artikel

Diserah: 15 April 2025

Diterima: 11 Mei 2025

Diterbitkan: 10 Jun 2025

Kata Kunci

Fanatik, Taasub, UTHM, Pagoh, Malaysia

Abstrak

Fanatisme dan ketaasuban agama merujuk kepada tindakan yang melampaui batasan atau berlebihan dalam menzahirkan kepercayaan agama seseorang. Ketaksuban ini sering muncul akibat kebergantungan mutlak kepada tokoh tertentu tanpa penilaian kritis terhadap ajaran mereka. Hal ini berpunca daripada pemahaman agama yang sempit, kekurangan ilmu asas agama, dan manipulasi karisma guru. Salah satu manifestasi ketaksuban ialah tindakan mengkafirkan pihak yang tidak sependapat atau tidak mengikuti jemaah mereka. Fenomena ini boleh menyebabkan konflik antara madzhab, perpecahan dalam kalangan umat Islam serta kemunculan pelbagai ajaran bid'ah yang akhirnya merosakkan perpaduan dan keharmonian umat Islam. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengetahui tahap kefanatikan dan ketaksuban pelajar UTHM Pagoh terhadap amalan keagamaan. Metodologi kajian berbentuk kuantitatif dengan menggunakan analisis deskriptif. Data dikumpul melalui borang kaji selidik dalam talian yang disebarkan melalui aplikasi WhatsApp menggunakan platform "Google Form." Seramai 300 pelajar UTHM Pagoh telah menjadi responden kajian ini. Kajian mendapati bahawa majoriti pelajar tidak pernah melakukan amalan-amalan yang mencerminkan fanatisme berlebihan dalam beragama dengan jumlah min keseluruhan (1.55%) yang menunjukkan bahawa peratusan pelajar yang taasub dan fanatik terhadap amalan agama adalah lebih rendah berbanding mereka yang taasub. Dalam konteks ini, lebih ramai pelajar universiti sedar dan memahami implikasi fanatik dan taasub agama terhadap kemurnian akidah.

Keywords

Fanaticism, Extremism, UTHM, Pagoh, Malaysia

Abstract

Religious fanaticism and extremism refer to actions that go beyond reasonable boundaries in expressing one's religious beliefs. This extremism often stems from absolute dependence on certain figures without critical evaluation of their teachings. It is driven by a narrow understanding of religion, lack of basic religious knowledge and the manipulation of a teacher's charisma. One manifestation of such extremism is the act of declaring others as disbelievers (takfir) simply because they disagree or do not follow the same religious group. This

phenomenon can lead to sectarian conflicts, division among Muslims and the emergence of various heretical teachings that ultimately damage unity and harmony within the Muslim community.

Therefore, this study aims to examine the level of religious fanaticism and extremism among students at Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Pagoh campus. The study employed a quantitative methodology using descriptive analysis. Data were collected through an online questionnaire distributed via WhatsApp using the Google Form platform. A total of 300 UTHM Pagoh students participated as respondents in this study. The findings revealed that the majority of students never engaged in behaviors that reflect excessive religious fanaticism, with an overall mean score of (1.55%), indicating that the percentage of students who exhibit religious extremism and fanaticism is relatively low compared to those who do not. In this context, many university students are more aware of and understand the implications of religious fanaticism and extremism on the purity of faith.

1. Pendahuluan

Dalam masyarakat moden yang semakin berkembang amalan keagamaan memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti individu termasuk dalam kalangan pelajar. Agama sering kali menjadi panduan utama dalam kehidupan harian, memberikan nilai-nilai moral, etika serta arah kehidupan yang jelas. Namun, dalam sesetengah keadaan semangat beragama yang tinggi boleh berkembang menjadi ketaksuban yang melampau terutamanya terhadap guru agama. Ketaksuban dalam beragama bukanlah satu fenomena baharu. Sejarah telah menunjukkan bagaimana keterlaluan dalam memahami dan mengamalkan ajaran agama boleh membawa kepada perpecahan dalam masyarakat serta menimbulkan konflik. Perkembangan teknologi dan kemudahan akses kepada maklumat melalui media sosial mempercepatkan penyebaran ajaran tertentu yang kadangkala mengundang sikap fanatik. Keadaan ini lebih membimbangkan apabila pelajar yang masih dalam proses membina identiti diri mudah terpengaruh dengan ajaran yang tidak diteliti secara kritikal. Fanatisme agama merujuk kepada tindakan yang melampaui batasan atau berlebihan dalam menzahirkan kepercayaan agama seseorang (Khader Ahmad et al, 2017). Seseorang yang bersikap fanatik cenderung memperkecilkan pandangan atau ajaran agama lain serta berpegang kepada aturan pemikiran yang ketat tanpa mahu mendengarkan pandangan yang berbeza (Khader Ahmad et al, 2017). Individu atau kelompok yang mengikuti ajaran agama secara tekun tetapi melampaui batas rasional dan menolak perbezaan pendapat sering kali dikategorikan sebagai fanatik agama.

Menurut Muhammad Syafiq (2022) golongan fanatik cenderung bersikap keras terhadap idea mereka sendiri menganggap diri atau kelompok mereka sebagai yang paling benar dan mengabaikan fakta atau hujah yang bertentangan dengan keyakinan mereka. Fanatisme merujuk kepada suatu keyakinan atau pandangan yang tidak mempunyai asas teori atau bukti yang kukuh tetapi tetap dipegang secara mendalam sehingga sukar diubah (Qurrata A'yuna & Said Nurdin, 2016). Ketaksuban ini sering berpunca daripada pemahaman agama yang sempit, kurangnya ilmu asas agama dan manipulasi karisma guru untuk kepentingan tertentu. Salah satu manifestasi ketaksuban adalah apabila terdapat pihak yang mengkafirkan individu lain yang tidak sehaluan dengan prinsip mereka atau tidak menganggotai jemaah mereka (Mohamad Kamil Ab Majid, 2003). Fenomena ini bukan sahaja menimbulkan perpecahan dalam kalangan umat Islam tetapi juga membawa kepada konflik antara mazhab keagamaan. Akibatnya, berlaku pertikaian tanpa asas kukuh, tuduhan tanpa bukti yang jelas serta kemunculan pelbagai bentuk bidaah yang saling bercanggah. Keadaan ini memperkukuh sikap eksklusivisme dalam beragama yang menyukarkan penyatuan umat Islam (Nurul Maslihah, 2020). Lebih membimbangkan, ketaksuban yang melampau ini boleh membawa kepada radikalisme dan ekstremisme agama di mana pengikut sesebuah ajaran sanggup mengorbankan nilai perpaduan demi mempertahankan kepercayaan mereka. Selain itu, media sosial memainkan peranan besar dalam mempercepatkan penyebaran ketaksuban agama. Ramai individu mudah terpengaruh dengan kandungan digital tanpa melakukan kajian atau penilaian yang mendalam. Sikap menerima ajaran secara membuta tuli ini semakin memburukkan keadaan, kerana individu yang terpengaruh sering menolak segala bentuk kritikan dan enggan menerima perbezaan pendapat. Ketaksuban dalam beragama boleh membawa kepada pelbagai implikasi negatif termasuk kesan psikologi dan sosial yang serius. Pelajar yang terpengaruh dengan ajaran fanatik mungkin mengalami tekanan mental, mengasingkan diri daripada masyarakat atau bahkan terlibat dalam perbuatan ekstrem. Selain itu, fenomena ini juga boleh mengancam perpaduan dalam komuniti apabila sesebuah kumpulan enggan menerima kewujudan perspektif lain yang berbeza. Pada masa kini, isu ketaksuban terhadap guru agama semakin mendapat perhatian terutamanya dengan perkembangan teknologi dan media sosial. Platform digital memudahkan penyebaran

pandangan dan ajaran guru agama yang popular menjadikan mereka idola dalam kalangan pelajar. Keadaan ini menjadi lebih berisiko apabila pelajar mula menyokong segala pandangan guru mereka tanpa menilai kebenarannya secara kritikal.

Di Malaysia, ketaksuban melampau kepada guru agama atau ketua ajaran dikenal pasti sebagai salah satu daripada lapan kriteria utama dalam ajaran sesat. Sebagai contoh, Majlis Fatwa Selangor telah mengeluarkan fatwa yang mengharamkan Aurad Muhammadiyah yang menjadi pegangan kumpulan Darul Arqam. Ajaran ini dianggap menyeleweng daripada akidah Islam kerana mengagungkan pemimpin mereka Ashaari Muhammad atau Abuya sebagai tokoh spiritual yang dikatakan memiliki kemampuan ghaib (Majlis Fatwa Selangor, 2023). Fenomena ketaksuban juga berkait rapat dengan peranan internet dalam menyebarkan maklumat. Seperti yang dinyatakan oleh Abu Hassan Hasbullah (2008) internet merupakan alat yang sangat berkesan dalam menyebarkan pelbagai informasi termasuk ajaran yang menyeleweng. Sebagai contoh lain pada 17 September 2015 ajaran Millah Abraham telah difatwakan sebagai sesat dan bertentangan dengan ajaran Islam oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor. Ajaran ini menggelar individu yang tidak mengikut ajaran mereka sebagai sesat, kafir dan syirik, serta menuntut mereka bertaubat dengan menyertai ajaran tersebut. Kesan ketaksuban yang melampau ini menyebabkan pengikut Millah Abraham sanggup membuang keluarga, ibu bapa, dan pasangan hidup hanya kerana mereka tidak menerima ajaran tersebut (Ruwaida Md Zain, 2022). Ketaksuban terhadap amalan keagamaan membawa kesan yang serius kepada individu mahupun masyarakat. Menurut kajian oleh Mohammad Kamil Hj Ab Majid (2003) individu atau kumpulan yang bersifat fanatik dan taksub sukar untuk berpadu dengan pihak lain kerana perpaduan hanya dapat dicapai melalui jalan yang sederhana. Fanatisme hanya akan menjauhkan seseorang daripada masyarakat menjadikannya lebih eksklusif dan sukar menerima kepelbagaian pandangan. Bagi pelajar, pengaruh ketaksuban dalam beragama boleh mengakibatkan gangguan emosi dan sosial. Mereka cenderung menolak pandangan yang berbeza menghadapi kesukaran dalam berinteraksi dengan kumpulan lain serta mengalami tekanan akibat kepercayaan yang terlalu ekstrem. Dalam Islam, fanatisme tidak dibenarkan dan dianggap sebagai tingkah laku yang dibenci kerana ia boleh membawa kepada sikap agresif, malah menjadi benih radikalisme (Qurrata A'yuna & Said Nurdin, 2016). Hal ini menimbulkan ancaman kepada perpaduan sosial dan kesejahteraan masyarakat yang lebih luas.

2. Tinjauan Literatur

Fanatik merujuk kepada sikap keterlaluan dalam memegang sesuatu kepercayaan atau pendirian terutamanya berkaitan dengan agama. Ia sering disamakan dengan taksub yang menggambarkan ketidakmampuan untuk menerima pandangan lain dan menutup diri terhadap perbezaan pendapat. Dalam konteks ini, fanatik dapat dilihat sebagai satu bentuk ekstremisme yang berpotensi mengganggu keharmonian sosial dan kesejahteraan masyarakat. Banyak kajian lepas telah membincangkan tentang tahap fanatik dan ketaksuban dalam amalan keagamaan yang menjadi antara isu utama dalam landskap keagamaan kontemporari. Sebagai contoh, Ahmad Najib Abdullah et al (2019) dalam kajiannya yang bertajuk *Fanatik Mazhab di Malaysia: Punca, Implikasi dan Langkah Mengharmoni Menurut Pandangan Ilmuan Islam* meneliti bagaimana ketaksuban terhadap mazhab tertentu boleh membawa kepada konflik sosial dan intelektual dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia. Kajian ini menganalisis beberapa faktor yang menyumbang kepada berlakunya fanatisme mazhab termasuklah latar belakang pendidikan agama yang terhad, pengaruh guru atau tokoh agama yang bersifat eksklusif, serta penggunaan media sosial sebagai medium penyebaran fahaman sempit. Penulis turut mencadangkan pendekatan harmoni yang menekankan nilai toleransi, dialog antara mazhab dan kefahaman terhadap prinsip *ikhthilaf* sebagai langkah ke arah penyatuan ummah. Tambahan pula, Khadher bin Ahmad et al (2017) menegaskan bahawa Islam merupakan agama yang mementingkan keseimbangan (*wasatiyyah*) dan menolak sebarang bentuk ekstremisme serta sikap melampau sama ada segi ibadah mahupun dalam kehidupan sosial. Sementara itu, al-Qaradawi (2010) seperti yang dirujuk dalam Mohamad Kamil Hj Ab Majid (2003) turut memberi amaran bahawa ketaksuban terhadap individu atau kumpulan tertentu dalam agama boleh menjejaskan keterbukaan umat Islam terhadap ilmu dan ijtihad baharu serta mendorong kepada penyimpangan dalam memahami ajaran Islam secara holistik. Fenomena ini turut diulas oleh Zulkarnain (2020) yang menjelaskan bahawa individu yang terlalu fanatik terhadap ajaran tertentu cenderung untuk mengasingkan diri daripada kelompok yang berbeza pandangan sekaligus menghakik semangat perpaduan dan keharmonian dalam masyarakat. Kajian lain oleh Juergensmeyer (2017) dalam bukunya *Terror in the Mind of God: The Global Rise of Religious Violence* mengaitkan elemen fanatisme keagamaan dengan keinginan untuk mempertahankan identiti kelompok secara radikal yang akhirnya membawa kepada ketegangan dan kekerasan atas nama agama. Begitu juga dengan kajian oleh Wiktorowicz (2005) yang menunjukkan bahawa pelajar atau belia yang terlibat dengan gerakan keagamaan ekstrem cenderung memiliki corak pemikiran yang sempit serta mudah terpengaruh dengan doktrin eksklusif apabila mereka kurang terdedah kepada pendekatan pendidikan kritikal dan terbuka. Dalam konteks pendidikan, Mohd Mahzan Awang et al (2023) menegaskan bahawa pendidikan Islam mempunyai peranan yang signifikan dalam menangani isu ketaksuban beragama. Para pendidik perlu menanamkan nilai keterbukaan sikap toleransi dan pemahaman menyeluruh terhadap ajaran Islam dalam

kalangan pelajar. Mereka juga perlu diberi ruang untuk berdialog, bertanya dan mengkritik secara beradab terhadap perbezaan pandangan demi membina asas keilmuan yang kukuh dan progresif. Kajian oleh Sahin (2018) dalam *Critical Issues In Islamic Education Studies* turut menegaskan kepentingan pendidikan Islam yang bersifat reflektif dan rasional dalam membentuk generasi muda Muslim yang matang, tidak fanatik, serta berkemampuan berinteraksi dengan realiti dunia moden tanpa menggadaikan prinsip akidah. Justeru itu, pendekatan pendidikan yang holistik dan berpaksikan nilai wasatiyyah amat penting dalam membendung gejala ketaksuban agama dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Berdasarkan kajian lepas kebanyakan penyelidikan lebih menumpukan kepada konsep fanatisme agama secara umum termasuk faktor penyebab dan impaknya terhadap masyarakat serta sosial. Walaupun terdapat kajian yang membincangkan fenomena ini dalam kalangan umat Islam di Malaysia, namun masih terdapat kekurangan penyelidikan yang secara spesifik meneliti tahap fanatik dan ketaksuban dalam kalangan pelajar di institusi pendidikan tertentu. Kajian ini akan mengisi jurang penyelidikan dengan memberikan fokus khusus terhadap tahap fanatik dan ketaksuban pelajar dalam amalan keagamaan dengan kajian kes di UTHM Pagoh.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini adalah berbentuk deskriptif kuantitatif, yang menggunakan kaedah tinjauan untuk mengenalpasti tahap fanatik dan ketaksuban pelajar dalam amalan keagamaan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Kampus Pagoh. Menurut Kariya et al (2020), kajian tinjauan sesuai untuk mengukur persepsi dan penglibatan responden dalam sesuatu aktiviti, dalam kes ini instrumen yang digunakan ialah soal selidik. Teknik soal selidik dipilih kerana ia praktikal dan berkesan untuk mengumpulkan maklumat secara sistematik (Najmul Hasan & Yukun Bao, 2020). Reka bentuk tinjauan digunakan bagi mengetahui tahap fanatik dan ketaasuban pelajar (UTHM) Pagoh terhadap amalan keagamaan. Sampel kajian terdiri daripada 300 pelajar UTHM Pagoh ($n=300$), yang merangkumi 165 lelaki dan 135 perempuan. Pelajar-pelajar ini dijadikan sampel kerana kajian memfokuskan kefanatikan pelajar terhadap amalan agama sahaja. Instrumen yang digunakan adalah soal selidik kuantitatif dalam bentuk Google Forms yang diedarkan secara atas talian melalui aplikasi WhatsApp. Tempoh pengumpulan data berlangsung dari awal November 2024 hingga awal Januari 2025.

Soal selidik ini dibahagikan kepada beberapa bahagian:

1. Bahagian pertama: Demografi responden yang merangkumi jantina, umur, bangsa, agama, fakulti, dan tahun pengajian.
2. Bahagian kedua: Tahap fanatik dan ketaasuban pelajar dalam amalan keagamaan.

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Statistik deskriptif seperti min dan peratusan digunakan untuk menunjukkan latar belakang responden. Analisis min dan sisihan piawai pula digunakan untuk mengukur tahap fanatik dan ketaasuban pelajar dalam amalan keagamaan. Markah min dibahagikan kepada tiga tahap iaitu tidak pernah, kadangkala, dan kerap berdasarkan cadangan Wiersma (2000) yang bertujuan untuk memahami secara lebih mendalam mengenai kefanatikan dan ketaasuban pelajar terhadap amalan agama di UTHM Pagoh.

Jadual 1 : Interpretasi min

1.00 - 2.40	Tidak Pernah
2.41 - 3.80	Kadangkala
3.81 - 5.00	Kerap

4. Dapatan Kajian & Perbincangan

Bahagian ini akan membincangkan hasil kajian yang telah diperolehi daripada analisis deskriptif terhadap responden kajian.

Bahagian A: Data Demografi Responden

Data demografi peserta responden ini telah dibentuk dari segi jantina, umur, tahun pengajian, fakulti dan kawasan tempat tinggal. Jadual 2 menunjukkan data demografi responden. Jadual 2 di bawah menunjukkan bahawa daripada 300 orang pelajar yang terlibat dalam kajian ini, bilangan responden lelaki seramai 165 orang (55.00%) dan responden perempuan seramai 135 orang (45.00%). Pada peringkat umur, jadual menunjukkan

bahawa pelajar yang berumur 18 – 21 tahun seramai 144 orang (48.00%), pelajar yang berumur 21 – 23 tahun seramai 130 orang (43.33%), sedangkan pelajar yang berumur 24 tahun ke atas seramai 26 orang (8.7%). Pada peringkat tahun pengajian pula, jadual menunjukkan bahawa pelajar tahun 2 adalah mempunyai bilangan yang tertinggi iaitu seramai 123 orang (41.00%), kemudian pelajar tahun 1 seramai 110 orang (36.7%), disusuli oleh pelajar tahun 3 iaitu seramai 54 orang (18.00%) dan pelajar tahun 4 seramai 13 orang (4.30%). Daripada jadual juga dapat diketahui bahawa majoriti responden tertinggi adalah pelajar daripada fakulti FTK iaitu seramai 165 orang (55.00%), kemudian fakulti FAST seramai 100 orang (33.33%) dan seterusnya pelajar daripada fakulti PPD seramai 35 orang (11.70%). Jadual di bawah juga menunjukkan bahawa pelajar yang menetap di dalam bandar adalah lebih ramai berbanding pelajar yang tinggal di luar bandar iaitu seramai 183 orang (61.00%), manakala pelajar yang tinggal di luar bandar hanyalah berjumlah 117 responden (39.00%).

Jadual 2 Maklumat demografi responden

Latar Belakang Pelajar	Maklumat	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	165	55
	Perempuan	135	45
Umur	18 – 21 tahun	144	48
	22 – 23 tahun	130	43.3
	24 tahun ke atas	26	8.7
Tahun Pengajian	Tahun 1	110	36.7
	Tahun 2	123	41
	Tahun 3	54	18
	Tahun 4	13	4.3
Fakulti	FTK	165	55
	FAST	100	33.3
	PPD	35	11.7
Kawasan Tempat Tinggal	Bandar	183	61
	Luar Bandar	117	39

Bahagian B: Tahap Fanatik dan Ketaksuban Pelajar dalam Amalan Keagamaan

Jadual : 5 Tahap Fanatik dan Ketaksuban Pelajar dalam Amalan Keagamaan

No	Item	Kekerapan (%)					Min	Sisihan Piawai	Tahap
		TP	JJ	KK	K	SK			
1	Mempercayai semua ajaran guru tanpa mempertimbangkan perspektif lain atau kritikan.	199 (66.3)	68 (22.7)	30 (10.0)	4 (1.0)	5 (1.7)	1.46	0.71	TP
2	Menganggap pandangan lain sebagai salah atau sesat tanpa dialog atau perbincangan yang sihat.	155 (51.7)	46 (30.0)	30 (15.3)	7 (2.3)	2 (0.7)	1.71	0.86	TP
3	Mengikuti semua ajaran guru secara membabi buta tanpa mengkritik atau merenungkan kesesuaian ajaran tersebut dalam konteks kehidupan seharian.	179 (59.7)	76 (25.3)	38 (12.7)	7 (2.3)	0 (0.0)	1.58	0.80	TP
4	Menganggap guru sentiasa betul dan tidak boleh dipersoalkan walaupun terdapat bukti atau argumen yang bertentangan.	191 (63.7)	66 (22.0)	34 (11.3)	8 (2.7)	1 (0.3)	1.54	0.82	TP
5	Mewujudkan kumpulan atau komuniti yang hanya menerima ajaran atau pandangan dari guru tertentu dan menolak individu luar.	208 (69.3)	53 (17.7)	32 (10.7)	2 (0.7)	5 (1.7)	1.48	0.84	TP

6	Menggantung gambar guru di rumah sebagai ikon dan panutan keluarga.	193 (64.3)	68 (22.7)	29 (9.7)	7 (2.3)	3 (1.0)	1.53	0.84	TP
7	Menolak ilmu pengetahuan dari bidang lain yang mungkin bertentangan dengan ajaran guru, walaupun ada relevansinya.	202 (67.3)	61 (20.3)	32 (10.7)	3 (1.0)	2 (0.7)	1.47	0.78	TP
8	Menziarahi kuburan guru yang sudah meninggal sebagai tanda ketaatan dan penghormatan.	116 (38.7)	150 (50.0)	22 (7.3)	10 (3.3)	2 (0.7)	1.77	0.78	TP
9	Menyimpan replika atau barang peninggalan guru sebagai kenangan dan keramat.	205 (68.3)	51 (17.0)	33 (11.0)	9 (3.0)	2 (0.7)	1.51	0.86	TP
10	Menunjukkan kesetiaan yang melampau terhadap guru termasuk dalam hal-hal peribadi yang mungkin tidak berkaitan dengan ajaran agama.	220 (73.3)	46 (15.3)	23 (7.7)	8 (2.7)	3 (1.0)	1.43	0.83	TP
Jumlah min keseluruhan : 1.55									

Sumber Kajian Lapangan : 2024

Dapatan kajian & Perbincangan

Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak pernah melakukan amalan-amalan yang mencerminkan fanatisme berlebihan dalam beragama. Ini dapat dibuktikan melalui nilai min keseluruhan sebanyak (1.55) yang menunjukkan kecenderungan yang sangat rendah terhadap sikap taksab dan fanatik dalam kalangan responden. Secara umum, dapatan kajian ini selari dengan pandangan Platz (2021) yang menyatakan bahawa kepercayaan terhadap guru merupakan elemen penting dalam proses pembelajaran, tetapi tidak seharusnya menghalang pemikiran kritikal atau analisis terhadap ajaran yang diterima. Dalam konteks Islam penghormatan kepada guru adalah suatu tuntutan, tetapi ia perlu selari dengan prinsip verifikasi ilmu yang berasaskan al-Quran dan Sunnah. Di bawah ini terdapat huraian untuk setiap item soal selidik yang telah dibuat :

1. Mempercayai Ajaran Guru Tanpa Mempertimbangkan Perspektif Lain.

Item ini menunjukkan nilai min (1.46) yang menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak pernah menerima ajaran guru secara membata tuli tanpa mempertimbangkan perspektif lain. Namun, kepercayaan terhadap guru tetap tinggi dalam kalangan sesetengah individu kerana budaya penghormatan terhadap tokoh agama yang masih kuat dalam masyarakat. Platz [19] menyatakan bahawa pelajar cenderung mempercayai guru mereka kerana keyakinan bahawa guru memiliki pengetahuan dan kebijaksanaan yang lebih luas. Namun, tanpa rujukan yang sahih kepercayaan ini boleh membawa kesan negatif kepada pemikiran pelajar.

2. Menganggap Pandangan Lain sebagai Salah Tanpa Dialog.

Dengan nilai min (1.71), dapatan ini menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar tidak pernah bersikap eksklusif dalam menilai pandangan agama lain. Menurut Majlis Agama Islam Selangor (2015) sikap menolak dialog boleh membawa kepada perpecahan dan salah faham dalam masyarakat. Perbincangan yang sihat amat diperlukan bagi memastikan pertukaran idea yang lebih matang serta mengelakkan ekstremisme.

3. Mengikuti Ajaran Guru Secara Membabi Buta.

Item ini mencatatkan nilai min (1.58) yang bermaksud kebanyakan pelajar tidak pernah mengikuti ajaran guru tanpa analisis kritikal. Ini mungkin disebabkan oleh kesedaran yang semakin meningkat dalam kalangan pelajar terhadap kepelbagaian pemahaman dalam agama Islam. Perkim (2020) menekankan bahawa pembelajaran agama yang efektif harus disertai dengan kebolehan berfikir secara analitik agar pelajar dapat memahami sesuatu ajaran dalam konteks kehidupan sebenar.

4. Menganggap Guru Sentiasa Betul Tanpa Mempertimbangkan Bukti.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai min bagi item ini ialah (1.54) yang menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak pernah menganggap guru mereka maksum. Cain (2017) dalam kajiannya menyatakan bahawa walaupun guru dihormati sebagai sumber ilmu mereka masih manusia yang boleh melakukan kesilapan. Oleh itu, pelajar perlu mempunyai pemikiran terbuka dan tidak menerima sesuatu ajaran tanpa bukti yang kukuh.

5. Mewujudkan Kumpulan yang Hanya Mengikuti Guru Tertentu.

Dengan nilai min (1.48), dapatan kajian ini menunjukkan bahawa amalan mewujudkan kumpulan eksklusif berdasarkan ajaran seorang guru jarang berlaku dalam kalangan pelajar. Namun, dalam sesetengah kes fenomena ini masih wujud kerana pengaruh tradisi dan kekaguman terhadap tokoh tertentu (Mohd Nazri Mat Zin, 2018). Sikap sebegini boleh membawa kepada perpecahan sosial kerana ia menolak keterbukaan terhadap kepelbagaian ilmu dan perspektif.

6. Menggantung Gambar Guru sebagai Ikon dalam Rumah.

Item ini menunjukkan nilai min (1.53) yang bermaksud bahawa hanya segelintir kecil pelajar melakukan amalan ini. Menurut Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan (2021), tiada salahnya menggantung gambar sebagai tanda penghormatan tetapi jika ia disertai dengan unsur pemujaan berlebihan ia boleh menimbulkan unsur khurafat.

7. Menolak Ilmu Pengetahuan Lain yang Bertentangan dengan Ajaran Guru.

Dengan nilai min (1.47) dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak menolak ilmu dari bidang lain. Ini menunjukkan kesedaran yang tinggi dalam kalangan pelajar terhadap kepentingan integrasi ilmu. Menurut Noor et al (2021), pengetahuan agama perlu dikaitkan dengan disiplin ilmu lain agar pemahaman Islam dapat dikembangkan dalam konteks yang lebih luas.

8. Menziarahi Kuburan Guru sebagai Tanda Ketaatan.

Item ini mencatatkan nilai min (1.77) menunjukkan bahawa amalan menziarahi kuburan guru jarang dilakukan oleh pelajar. Erdi Rujikartawi (2022) menyatakan bahawa terdapat pelbagai perspektif mengenai amalan ini; sesetengah aliran menganggapnya sebagai sebahagian daripada tradisi, manakala yang lain berpendapat bahawa ia boleh membawa kepada kesalahan akidah sekiranya disertai dengan unsur pemujaan.

9. Menyimpan Barang Peninggalan Guru sebagai Kenangan atau Keramat.

Dengan nilai min (1.51) amalan ini tidak meluas dalam kalangan pelajar. Barokah (2023) menyatakan bahawa dalam banyak budaya menyimpan barang peninggalan tokoh dianggap sebagai tanda penghormatan tetapi dalam Islam, ia tidak boleh dianggap memiliki kuasa tertentu.

10. Menunjukkan Kesetiaan Melampau kepada Guru dalam Hal Peribadi.

Item terakhir ini mencatatkan nilai min (1.43) yang menunjukkan bahawa majoriti pelajar tidak terlibat dalam amalan ini. Sikap ta'asub atau fanatik kepada individu tertentu boleh membawa kepada penyimpangan dalam memahami agama (Fazilah Idris et al, 2008). Islam menekankan bahawa kesetiaan kepada guru harus didasarkan pada kebenaran bukan semata-mata pada hubungan peribadi atau karisma individu.

Berdasarkan dapatan kajian dalam Jadual 5, majoriti pelajar di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Pagoh menunjukkan tahap fanatik dan ketaksuban dalam amalan keagamaan yang sangat rendah. Hal ini dapat dilihat melalui skor min keseluruhan yang rendah iaitu (1.55) dengan kebanyakan pelajar memberikan jawapan *Tidak Pernah* terhadap pernyataan yang berkaitan dengan fanatisme dan ketaksuban dalam beragama. Hal ini kerana sistem pendidikan di peringkat universiti yang menekankan pemikiran kritis dan analitis. Di UTHM, pelajar terdedah kepada pelbagai disiplin ilmu termasuk pemahaman agama yang lebih terbuka dan ilmiah hal ini selari dengan kajian Ahmad Najib Abdullah et al (2019) yang menyatakan bahawa fanatik mazhab semakin berkurang dalam kalangan generasi muda kerana pendedahan kepada pelbagai sumber maklumat serta pendekatan pendidikan Islam yang lebih terbuka. Pensyarah dan tenaga pengajar di universiti sering kali mendorong pelajar untuk menilai sesuatu isu dari pelbagai perspektif sekaligus mengurangkan kecenderungan untuk menerima ajaran agama secara membabi buta tanpa soal Kariya et al (2020). Selain itu pelajar sering kali dibimbing untuk menyeimbangkan antara tuntutan akademik dan amalan keagamaan. Sistem pendidikan yang menekankan kepentingan ilmu pengetahuan serta keterbukaan terhadap pelbagai disiplin ilmu menyebabkan pelajar kurang cenderung untuk bersikap ekstrem dalam satu aspek kehidupan sahaja sepertimana yang dinyatakan dalam kajian Wiktorowicz (2005) yang meneliti pelajar Muslim di Barat mendapati bahawa pelajar yang kurang keterdedahan kepada pendidikan kritikal dan dialog antara aliran lebih cenderung kepada pemikiran sempit dan radikal. media sosial boleh menjadi faktor utama dalam menyebarkan ajaran yang ekstrem. Walaupun media sosial terbuka luas namun, dalam konteks UTHM, pelajar lebih cenderung menggunakan media sosial untuk mengakses pelbagai sumber maklumat termasuk perspektif keagamaan yang lebih sederhana dan rasional. Dengan keterbukaan terhadap pelbagai pandangan, mereka tidak mudah terpengaruh dengan ajaran yang mendorong ketaksuban. Namun tidak dinafikan masih ada segelintir pelajar yang bersikap fanatik hal ini didorong oleh kurangnya pemahaman agama yang mendalam. Mereka lebih cenderung untuk menerima ajaran secara literal tanpa mempertimbangkan aspek kontekstual atau metodologi yang lebih luas dalam memahami agama. Selain itu kemungkinan juga disebabkan latar belakang keluarga dan pendidikan awal yang sudah terbiasa dengan budaya kepatuhan dan kesetiaan melampau dalam keluarga dan guru agama (Fazilah Idris et al, 2008). Dalam kajian Majlis Agama Islam Selangor (2015) mengenai kecelaruan ajaran sesat di Malaysia menunjukkan bahawa masih wujud kelompok masyarakat yang mengikuti ajaran guru secara ekstrem termasuk menyimpan barangan peninggalan guru sebagai objek keramat dan menolak pandangan luar.

Kesimpulan

Kesimpulannya, tahap fanatik dan ketaksuban pelajar dalam amalan keagamaan adalah pada tahap yang memuaskan. Melalui kajian kes yang dijalankan di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), dapat diketahui bahawa majoriti pelajar tidak pernah berasa taksub dalam amalan keagamaan yang dilaksanakan di kampus ataupun kolej kediaman. Hampir kesemua pelajar tidak pernah mempunyai perasaan fanatik dan taksub dengan item-item yang dikemukakan kepada mereka bermakna tahap fanatik dan ketaksuban pelajar dalam amalan keagamaan di Malaysia ini masih dalam keadaan terkawal dan boleh dibendung. Antara tahap fanatik

dan ketaksuban yang tidak pernah dilakukan ramai berkenaan menziarahi kuburan guru yang sudah meninggal sebagai tanda penghormatan dan ketaatan. Hal ini kerana majoriti mahasiswa dan mahasiswi di UTHM Pagoh merupakan pelajar di umur yang muda dan masih dibendung agamanya dari ketaksuban ajaran lain. Selain itu, pelajar-pelajar di UTHM Pagoh kurang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti keagamaan yang tiada kesahihanya bagi mengelakkan sebarang isu yang tidak diinginkan berlaku. Oleh itu, kita sama-sama boleh menjadikan tahap ketaksuban dan fanatik dalam amalan keagamaan pelajar di UTHM Pagoh ini sebagai contoh dalam kehidupan seharian agar tidak mudah terlalu taksub akan tokoh-tokoh terkenal. Tambahan pula, perkara seperti ini sedikit sebanyak dapat membantu akidah setiap pelajar di UTHM Pagoh sentiasa berada di jalan yang benar.

Penghargaan

Penulis mengucapkan terima kasih kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas sokongan yang diberi sehingga kajian ini berjaya untuk diterbitkan.

Konflik Kepentingan

Penulis mengumumkan bahawa tidak ada konflik kepentingan yang berkaitan dengan penerbitan makalah ini.

Sumbangan Penulis

Kajian ini ditulis oleh Arwansyah bin Kirin sebagai penulis utama mulai dari tajuk hinggalah rujukan dan rakan-rakan yang lain turut membantu pengumpulan maklumat.

Rujukan

- Ahmad, K., Abdullah, M., Ariffin, S., Yakub, M., & Yusoff, Z. M. (2017). Fanatik Beragama Dalam Kalangan Masyarakat Islam di Malaysia: Analisis Berdasarkan Pemahaman Terhadap Fiqh al-Hadith. *Hadis*, 7(14), 39-74.
- Lesmana, R. P. D., & Syafiq, M. (2022). Fanatisme Agama Dan Intoleransi Pada Pengguna Media Sosial. *Character Jurnal Penelitian Psikologi*, 9(3), 36-49.
- Qurrata A'yuna & Nurdin, S. (2016). Fanatisme Dalam Tinjauan Psikologi Agama. *Jurnal Suloh*, 1(1). 75-82.
- Ab Majid, M. K. H. (2003). Fanatik dan Taksub Dalam Islam: Analisis Pandangan al-Qaradawi. *Jurnal Usuluddin*, 18, 25-36.
- Nurul Maslihah. (2020). Bahaya Fanatisme Beragama Dalam Perspektif Agama Islam. Retrived: 1/2/2025, From : <https://pesantren.id/bahaya-fanatisme-beragama-dalam-perspektif-agama-islam-7623/>
- Majlis Fatwa Selangor. (2023). Fatwa Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam. Retrived : 1/2/2025, From : <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/28/fatwa-aurad-muhammadiyah-pegangan-darul-arqam/>
- Hasbullah, A. H. (2008). Kuasa Media Baru Menggempur Perubahan Bentuk dan Kandungan Ekoposial di Asia Tenggara-Satu Pembacaan Future Studies: The Power of New Media Combats toward Form and Content Change Ecopocial in Southeast Asia-A Reading for Future Studies. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*, 10(1), 47-73.
- Ruwaida Md Zain. (2022). Apa yang Bahaya dengan Ajaran Sesat Millah Abraham?. Retrived: 2/2/2025, From : <https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/12/917973/apa-yang-bahaya-dengan-ajaran-sesat-millah-abraham>.
- Abdullah, A. N., Daud, M., Mohamad, S., Abd Rahman, M. M., Yusoff, M. A. H., & Ali, M. B. H. (2019). Fanatik Mazhab di Malaysia:: Punca, Implikasi dan Langkah Mengharmoni Menurut Pandangan Ilmuan Islam. *Albasirah journal*, 9(2), 11-35.

- Qaradawi, Y. (2010). *Islamic Awakening Between Rejection and Extremism*. The Other Press.
- Zulkarnain, Z. (2020). Pengaruh Fanatisme Keagamaan Terhadap Perilaku Sosial. *Kontekstualita*, 35(01), 25-38.
- Juergensmeyer, M. (2017). *Terror in the mind of God: The global rise of religious violence* (Vol. 13). Univ of California Press.
- Wiktorowicz, Q. (2005). *Radical Islam rising: Muslim extremism in the West*. Rowman & Littlefield Publishers.
- Awang, M. M., Ahmad, A. R., & Ghani, K. A. (2023). Ekstremisme Dalam Kalangan Belia Berpendidikan Tinggi di Malaysia: Pengkonsepsian dan Faktor Yang Mendorong. *Kajian Malaysia*, 41(2), 319-345.
- Sahin, A. (2018). Critical issues in Islamic education studies: Rethinking Islamic and Western liberal secular values of education. *Religions*, 9(11), 335.
- Kariya, H. S., Zin, S. M., & Mukhtar, M. (2020). Kajian Persepsi Pensyarah Politeknik Terhadap Pembinaan Item Penilaian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(4), 30-38.
- Hasan, N., & Bao, Y. (2020). Impact Of "E-Learning Crack-Up" Perception On Psychological Distress Among College Students During COVID-19 Pandemic: A Mediating Role Of "Fear Of Academic Year Loss". *Children and Youth Services Review*, 118, 105355.
- Wiersma, W. (2000). *Research methods in education: An introduction* (7th Edition). Allyn and Bacon.
- Platz, M. (2021). Trust Between Teacher and Student in Academic Education at School. *Journal of Philosophy of Education*, 55(4-5), 688-697.
- Majlis Agama Islam Selangor. (2015). *Ajaran Sesat Merungkai Kesesatan dan Kecelaruhan*. Retrived: 1/3/2025, From : <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2019/07/AJARAN-SESAT-MERUNGKAI-KEKUSUTAN-DAN-KECELARUAN.pdf>.
- Pertubuhan Kejaksaan Islam Malaysia (PERKIM). (2020). *Pemikiran Tajdid Tun Dr. Mahathir*. Retrived: 2/1/2025, From : <https://www.perkim.net.my/pemimpin-lalu/?srsId=AfmBOopU6oR1U6HhWd5GqHCaS0829zqDZPuTWMdxWTpvNff1K7j1BEv>.
- Cain, T. (2017). Denial, Opposition, Rejection or Dissent: Why do Teachers Contest Research Evidence?. *Research Papers in Education*, 32(5), 611-625.
- Mat Zin, M. N. (2018). *Perbandingan Pemikiran al-Farabi Dengan al-Dihlawi Tentang Konsep Nubuwwah Dalam Kitab Ara'Ahl al-Madinah al-Fadilah dan Hujjah Allah al-Balighah* (Doctoral dissertation, Universiti Pendidikan Sultan Idris).
- Pejabat Mutfi Wilayah Persekutuan. (2021). *Iryad Hukum Siri Ke-631: Hukum Menggantung Gambar Fotografi di Dinding*. Retrived: 2/2/2025, From : <https://www.muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/5024-irsyad-al-fatwa-siri-ke-631-hukum-menggantung-gambar-fotografi-di-dinding>.
- Noor Zainan, N. I., Ab Rahman, N. H. A., Ismail, M. K. A., Mat Jusoh, N. A., Busu, Z., & Yusoff, Z. (2021). Impak Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar: Satu Tinjauan Awal. *Proceedings of International Human Sustainable Procedia* Vol. 4 No. 2 (2024) p. 9-20 20 Conference on Language, Education, Humanities & Social Sciences (i-LEdHS2021), 98-103.
- Rujikartawi, E & Fitriani, D. (2022). Motif, Tujuan dan Relasi Ziarah Kubur: Refleksi atas Tradisi dan Budaya Masyarakat Banten. *Tsaqofah: Jurnal Agama dan Budaya*, 20(2), 53-72.
- Barokah, F. (2023). Mistisisme Politik: Eksistensi Magis dalam Perpolitikan Indonesia. *JlIP: Jurnal Ilmiah Ilmu Pemerintahan*, 8(1), 1-19.

Idris, F., Mastor, K. A., Hamzah, A., Tamam, E., Luan, W. S., & Suradi, N. R. (2008). Religious Personality and Gender Differences in the Perceived Behaviour Towards Inter-Ethnic Everyday Life Among Youths. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(2), 141-157.